

## **APLIKASI SULH DALAM PENYELESAIAN KONFLIK DI TANAH MELAYU**

Mohammad Nor Anwar Bin Mohd Sabri  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
*anwar\_alwalid@yahoo.com*

Nor'Adha Binti Abdul Hamid  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,*  
*noradha@kuis.edu.my*

### **ABSTRAK**

Agama Islam telah bertapak lama di Tanah Melayu suatu ketika dahulu hingga kini. Islam ialah satu agama yang sering menjadikan perdamaian sebagai kaedah terbaik bagi menyelesaikan pertikaian. Ini semata-mata untuk menjamin sebuah kehidupan yang harmoni, bebas dari segala persengketaan dan pertelingkahan yang boleh memporak-perandakan kehidupan manusia. Dalam menjalani kehidupan seharian, manusia sering kali tidak dapat lari daripada berhadapan dengan berbagai kesulitan, masalah, perselisihan dan pertikaian. Untuk itu, Islam tidak membiarkan umatnya tercari-cari jalan penyelesaian pada perkara tersebut tanpa memberikan jalan keluar dan meniupkan roh Islamiyyah ke dalamnya. Tanah Melayu merupakan salah satu negara di dalam dunia ini yang berpegang teguh dengan ajaran Islam. Kaedah *sulh* merupakan satu konsep penyelesaian pertikaian di luar dan kaedah ini telah dijalankan di seluruh Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Perdamaian membawa takrifan salah satu ajaran pokok di dalam Islam yang membawa kepada hal atau perbuatan untuk berdamai. Kajian kualitatif ini menggunakan metode kajian perpustakaan serta dokumen seperti Al-Quran, buku dan kertas kajian. Kertas kerja ini memperhalus konsep Sulh dalam Islam dan penggunaannya dalam dunia Islam, dalam masyarakat di Tanah Melayu ini, serta sejarah dan menilai aplikasinya yang kini semakin dipandang sepi oleh masyarakat. Kajian ini penting dalam memartabatkan konsep dan hikmah Sulh yang perlu dititikberatkan dalam Islam agar mampu dihayati serta diharmonikan oleh masyarakat khususnya bangsa Melayu di Malaysia.

**Kata kunci:** Sulh, Perdamaian, Islam, Aplikasi, Pertikaian

### **PENDAHULUAN**

Sulh merupakan salah satu daripada kaedah penyelesaian pertikaian yang ditawarkan dalam agama Islam. Pendekatan Sulh ini tidak asing lagi bagi umat Islam kerana sering kali dicatatkan penggunaannya di dalam sorotan sirah perkembangan agama Islam dari dulu hingga kini. Terdapat banyak kaedah penyelesaian pertikaian masalah di dalam Islam yang sering diterima pakai sejak dahulu seperti sulh (negosiasi), nasihat, qada'(penghakiman), tahkim (timbang tara), muhtasib,

fatwa dan wali al-mazalim.<sup>1</sup> Agama Islam yang telah disebar luas ke Tanah Melayu justeru memberi kesan juga kepada Melayu yang menganut agama Islam. Kertas kajian ini bertujuan untuk memperhalus perkembangan aplikasi Sulh dalam agama Islam sejak dari awal penurunan agama Islam sehinggalah tersebar luasnya Islam hingga ke Tanah Melayu.

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif sepenuhnya. Pendekatan terhadap kajian ini merujuk kepada kajian yang menggunakan data yang bukan berbentuk angka seperti teks, dan manuskrip. Pendekatan kualitatif dipilih memandangkan data dan maklumat diperolehi menggunakan kaedah kajian perpustakaan serta dokumen seperti Al-Quran, buku dan kertas kajian.

## DEFINISI SULH

Dalam takrifan dari sudut bahasa, Sulh membawa maksud usaha untuk menyelesaikan sesuatu perselisihan bagi mencapai persetujuan antara pihak yang bertikai dan mewujudkan perdamaian antara kedua-dua pihak.<sup>2</sup> Maksudnya dari sudut syarak pula ialah kontrak yang mewujudkan persetujuan dan menghentikan perselisihan.<sup>3</sup> Sulh secara jelas telah banyak dinukilkan di dalam Al-Quran dan hadis yang secara jelas membawa sesuatu pertelingkahan atau pertikaian ke arah perdamaian dan keamanan. Sulh itu sendiri membawa banyak definisi. Manakala sulh menurut istilah syara' di dalam Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah serta sebahagian ilmuwan seperti al-Sheikh Nazzam dan Qadri Basha pula menerangkan sulh ialah akad yang menamatkan pertikaian secara sukarela dan reda meredai.<sup>4</sup>

Terdapat juga sebahagian pendapat yang melabelkan Sulh sebagai mediasi. Mediasi boleh didefinisikan sebagai proses di mana satu pihak (pihak ketiga atau mediator) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai. Ini bermakna mediasi merupakan perundingan secara terpinpin (assisted negotiation) secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh mediator.<sup>5</sup> Mediasi bermatlamatkan untuk menyelesaikan pertikaian dan mengekalkan reputasi yang baik antara kedua pihak yang bertikai. Peranan yang dimainkan oleh mediator ialah membantu pihak-pihak yang bertikai untuk mencapai kata sepakat yang akhirnya dipersetujui antara kedua belah pihak. Dalam sistem mahkamah syariah di Malaysia pula, dalam amalan mahkamah syariah, Sulh kerap kali diterima pakai bagi menyelesaikan syiqoq atau perbalahan di antara pihak-pihak. Kaedah Sulh boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk tetapi bergantung kepada tuntutan atau permohonan yang dibawa oleh pihak bertikai. Ini termasuk runding cara atau kaunseling rumah tangga, Hakam dan Jawatankuasa Pendamai dalam isu syiqaq atau perbalahan dalam masalah rumah tangga dan Majlis Sulh atau Mediasi. Majlis Sulh boleh dihadiri oleh pihak-pihak itu sendiri atau dihadiri sama peguam syarie. Tuntutan atau permohonan yang dibuat mestilah melibatkan hak dan tanggungjawab dalam hal ehwal kekeluargaan Islam di

---

<sup>1</sup> Syed Khalid Rashid. 2004. *Alternative Dispute Resolution in the Context of Islamic Law*. The Vindobona Journal of International Commercial Law and Arbitration. hlm 105.

<sup>2</sup> Mustofa Al-Khin. 2016. *Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Shafi'i*. Jilid 6. Pustaka Salam. hlm 1419.

<sup>3</sup> Ibid

<sup>4</sup> Raihanah Azahari. 2005. *Sulh Dalam Perundangan Islam*. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>5</sup> Salleh Buang. 2002. *Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah Selangor Darul Ehsan*. Anjuran Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor, Shah Alam.

bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.<sup>6</sup> Dari segi undang-undang yang dirujuk di Negeri Selangor, tiada peruntukan yang mendefinisikan Sulh dengan jelas. Namun demikian terdapat peruntukan mengenai Sulh dan meletakkan bahawa sulh itu dalam suatu bentuk proses berdasarkan prosedur tertentu yang digalakkan seperti contoh yang terkandung di dalam Enakmen Tatacara Mal dan Manual Kerja Sulh.

Berdasarkan definisi yang diberikan di atas, dapat disimpulkan bahawa Sulh merupakan keputusan atau hasil dari suatu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai atau bersengketa hasil dari proses mediasi. Majlis Sulh akan berperanan sebagai orang tengah atau pemudah cara yang akan membantu menyelesaikan sebarang pertikaian pihak-pihak terlibat justeru akan menjimatkan masa mahkamah dan boleh menjimatkan kos, masa dan tenaga pihak-pihak yang bertikai.

### **SULH MENURUT AL-QURAN DAN SUNNAH**

Di dalam Al-Quran sering kali dinukilkan Allah Taala perihal sulh serta perdamaian. Islam merupakan agama perpaduan dan dibina atas semangat kerjasama, persaudaraan, serta berganding bahu. Islam tidak sesekali menerima perpecahan sesama umat, firman Allah Taala:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا<sup>٧</sup>

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah-belah”<sup>7</sup>

(Ali Imran: 103)

Atas dasar ini, Allah Taala memperingatkan umat Islam agar sentiasa menjaga perdamaian sesama Muslimin. Jika berlaku sebarang konflik dan pertikaian, umat Islam diperintahkan agar mendamaikan sesama saudaranya. Firman Allah Taala lagi di dalam surah Al-Hujurat ayat 9:

إِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا

“Dan jika dua puak antara orang-orang beriman bertelingkah, maka damaikanlah antara keduanya.”<sup>8</sup>

(Al-Hujurat: 9)

Selain daripada itu, Allah juga tidak ketinggalan mengaitkan kaedah Sulh dan perdamaian dalam permasalahan rumah tangga. Penting bagi setiap pasangan mengambil cakna tentang penyelesaian konflik dalam rumah tangga agar penceraian dapat dielakkan daripada berlaku. Dalam Surah An-Nisa ada diterangkan berkaitan kaedah yang patut diaplikasikan oleh pasangan sekiranya berlaku perselisihan pendapat atau konflik yang sememangnya menjadi asam garam dalam kehidupan berumah tangga. Allah Taala berfirman:

<sup>6</sup> Siti Noraini, Zulkifli Hasan. 2008. *Perlaksanaan Sulh Dan Keberkesanannya Di Mahkamah Syariah Selangor*.

<sup>7</sup> Al-Quran. Surah Ali Imran. Ayat 103

<sup>8</sup> Al-Quran. Surah Al-Hujurat. Ayat 9

وَإِنْ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا  
صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ

“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara baik) kerana perdamaian itu lebih baik.”<sup>9</sup>

(Surah An-Nisa: 128)

Hadis juga tidak ketinggalan menjadi salah satu autoriti yang kuat bagi menyokong keberadaan Sulh dan perdamaian sebagai salah satu kaedah penyelesaian pertikaian terbaik yang dicanangkan oleh agama Islam bagi diaplikasikan oleh penganutnya. Hadis bermaksud apa-apa yang dirujuk kepada Nabi Muhammad sama ada ucapan, perbuatan mahupun pengakuan daripada baginda.<sup>10</sup> Hadis merupakan satu sumber yang penting dalam hierarki autoriti perundangan anutan umat Islam. Adalah menjadi satu kesalahan yang besar bagi umat Islam menolak untuk berpegang dengan hadis. Sabda Nabi Muhammad dalam satu hadis yang membawa maksud:

*“Barangsiapa yang menolak sunnahku, maka dia bukanlah sebahagian dariku.”*<sup>11</sup>

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini secara jelas menunjukkan kepentingan hadis sehingga Nabi Muhammad bersabda bukan dari kalangan Baginda sesiapa sahaja yang menolak sunnah Baginda. Berkaitan dengan aplikasi Sulh dan perdamaian, Nabi Muhammad pernah bersabda di dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah:

“Aku hanya manusia biasa dan kamu membawa kepada saya pertikaian antara kamu. Andainya satu pihak antara kamu mengemukakan tuntutan dengan cara yang lebih menarik dari pihak lain sehingga aku memberikan keputusan yang tidak benar kepada pihak itu, iaitu hak satu saudara kepada saudara yang lain, ia tidak harus menerimanya sebab itu adalah sebahagian daripada neraka.”<sup>12</sup>

(Hadis Riwayat Bukhari)

Hadis ini secara jelas menunjukkan Nabi Muhammad mencadangkan agar sulh dan perdamaian diutamakan terlebih dahulu jika terdapat suatu pertikaian di kalangan orang Islam berbanding terus dibawa ke peringkat qada' (penghakiman).

Selain daripada itu, terdapat juga satu lagi hadis yang jelas menyatakan kepentingan dan keutamaan kaedah sulh dan perdamaian. Hadis daripada Amru bin Awf, Rasulullah bersabda:

<sup>9</sup> Al-Quran. Surah An-Nisa. Ayat 128

<sup>10</sup> Ariffin Omar. 1995. *Sunnah Sebagai Bayan Kepada Al-Quran*. Islamiyyat 16

<sup>11</sup> Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim

<sup>12</sup> Hadis Riwayat Bukhari

“Sulh, hukumnya adalah harus di antara orang Islam melainkan menjadi haram jika ianya mengharamkan apa yang diharamkan dan menghalalkan apa yang diharamkan. Dan sebenarnya orang Islam itu terikat dengan janjinya kecuali dalam perkara yang mengharamkan apa yang telah diharamkan dan sebaliknya.”<sup>13</sup>

(Hadis Riwayat al-Tarmizi)

Justeru, dapatlah dilihat menerusi hadis-hadis ini bahawasanya Sulh merupakan kaedah yang sangat penting dan sepatutnya didahulukan aplikasinya jika terdapat sebarang pertikaian sesama manusia, apatah lagi jika yang bertelingkah itu adalah sesama umat Islam. Dapatlah disimpulkan setakat ini bahawa menerusi hadis-hadis yang disertakan di atas, Nabi Muhammad mengiktiraf kedudukan kaedah sulh sebagai langkah perdamaian terbaik bagi mengelakkan pergaduhan dan menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku.

### **SULH MENURUT SOROTAN SIRAH**

Pemakaian Sulh juga dapat dilihat dengan banyak menerusi peristiwa-peristiwa lampau yang berlaku sepanjang sirah Nabi dan para sahabat. Rasulullah yang dilahirkan sebagai insan agung dan istimewa kerap kali dilihat bertindak sebagai “mediator” ataupun orang tengah yang sering menjadi pemudah cara bagi menyelesaikan sesuatu konflik dan pertikaian antara pihak-pihak yang bertelagah.

Suatu ketika dahulu, banjir besar telah menyebabkan Hajar al-Aswad tergelincir dari kedudukannya yang asal iaitu di Kaabah. Hal ini menimbulkan pertikaian dalam kalangan pembesar-pembesar Mekah yang mewakili kabilah masing-masing bagi menentukan kabilah siapa yang selayaknya meletakkan semula Hajar al-Aswad di kedudukannya yang asal. Konflik ini hampir membawa kepada pertelingkahan di antara para pembesar Mekah tersebut, sehinggalah Nabi Muhammad meletakkan dirinya sebagai orang tengah yang bertindak sebagai pemudah cara menyelesaikan pertikaian tersebut. Dengan kebijaksanaan Baginda, dicadangkan agar Hajar al-Aswad diletakkan di atas sehelai kain lalu kesemua pembesar Mekah mengangkatnya bersama-sama. Berkat idea yang dilontarkan Baginda itu, pertikaian sesama pembesar diselesaikan dan pertelingkahan yang lebih serius berjaya dielak.<sup>14</sup>

Seterusnya, dalam peristiwa termeterainya Perjanjian Hudaibiyah, terdapat juga satu bukti Nabi Muhammad mementingkan jalan perdamaian berbanding meneruskan pertelingkahan. Semasa Sayidina Ali yang ditugaskan sebagai jurutulis menulis perkataan ‘Muhammad Rasulullah’ di atas perjanjian tersebut, para musyrikin telah meminta agar perkataan ‘Rasulullah’ tersebut dipadamkan kerana mengingkari bahawa Muhammad itu pesuruh Allah. Pada awalnya Sayidina Ali enggan namun berkat kesabaran dan berlapang dada seorang nabi, Nabi Muhammad memilih jalan perdamaian dan meminta Sayidina Ali memadamkan perkataan ‘Rasulullah’ tersebut.<sup>15</sup>

Yang terakhir, semasa zaman pemerintahan Umar Al-Khatib sebagai Khalifah umat Islam yang kedua, beliau telah mengutus surat kepada Abu Musa Al-Ash’ari dengan menyatakan perihal

---

<sup>13</sup> Hadis Riwayat al-Tarmizi

<sup>14</sup> Ibnu Ishaq. 1955. *The Life Of Muhammad*. Oxford University Press. hlm 85.

<sup>15</sup> Imam At-Thabari. 2017. *Tafsir At-Thabari*. Jilid 6. Pustaka Azzam. hlm 634.

serta tanggungjawab seorang qadi. Di dalam surat itu, antara isinya ialah “Segala jenis tolak ansur dan perdamaian di antara Muslimin adalah dibenarkan, kecuali bagi mereka yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.” Dengan jelas perihal tolak ansur yang membawa kepada perdamaian amat dituntut untuk digunapakai bagi qadi menyelesaikan pertikaian.

Kesimpulannya, Nabi Muhammad serta para sahabat Baginda amat mementingkan perdamaian dalam kehidupan. Sebarang pertikaian hendaklah dituntut agar diselesaikan secara damai terlebih dahulu sebelum menggunakan khidmat qada’ (penghakiman) bagi menjimatkan masa hakim dan menjalinkan silaturahim sesama umat.

### **SULH ZAMAN KERAJAAN ISLAM UTHMANIAH**

Selepas banyak dalil dan bukti penggunaan sulh dan perdamaian di dalam Al-Quran, hadis dan perlakuan-perlakuan sahabat Nabi Muhammad sepanjang menjadi khalifah, kaedah sulh ini terus diiktiraf semasa umat Islam dipimpin oleh pemerintahan Khalifah Uthmaniah. Terdapat satu peruntukan khas berkaitan penggunaan kaedah Sulh telah dimasukkan ke dalam Majalla Ahkam Al-Adliyyah yang menjadi antara sumber perundangan yang penting bagi umat Islam semasa pemerintahan Khalifah Uthmaniah yang berpusat di Turki.

Dalam peruntukan tersebut, sulh telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu : (1) Kes yang bermula dengan tuntutan di mahkamah, namun berakhir dengan capaian persetujuan untuk berdamai; (2) Sulh yang dicapai di luar mahkamah dan dibawa ke mahkamah untuk pendaftaran; dan melawan pihak yang lain; (3) Sulh yang dilakukan di luar mahkamah namun gagal mencapai kata perdamaian, lalu menjadi sebab sebelah pihak mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak yang satu lagi.<sup>16</sup> Namun, kesan daripada penjajahan oleh Barat, kaedah sulh semakin lama semakin pudar dari pemakaian oleh umat Islam yang semakin mengaplikasi sistem mahkamah Barat dalam kehidupan.<sup>17</sup>

### **SULH DI TANAH MELAYU DAN MALAYSIA KINI**

Dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Melayu ditakrifkan sebagai mestilah orang yang beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu dan bertutur menggunakan Bahasa Melayu.<sup>18</sup>

Seiring dengan perkembangan Islam ke Nusantara, bangsa Melayu dan Tanah Melayu juga terkesan dengan pemakaian Sulh dalam sistem perundangannya dalam mencapai persepikatan di sebalik pertikaian yang berlaku sesama pihak-pihak. Semasa zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, undang-undang Islam banyak diterjemahkan ke dalam pemakaian di dalam sumber perundangan seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.<sup>19</sup> Hukum Kanun Melaka banyak mempengaruhi amalan orang Melayu di bawah Kesultanan Melaka ketika itu. Di dalam undang-undang ini, ada disentuh perihal sulh, kaedah perdamaian, prosedur dan fungsi jawatan-jawatan di dalam pemerintahan. Justeru, sulh banyak digunakan bagi

---

<sup>16</sup> Isik Tamdogan. 2008. *Sulh and the 18<sup>th</sup> Century Ottoman Courts of Uskudar and Adana*. Islamic Law and Society

<sup>17</sup> Nora Abdul Hak Sa’odah Ahmad, Umar A. Oseni. 2011. *Alternative Dispute Resolution (ADR) in Islam*. IIUM Press. hlm 18

<sup>18</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 160

<sup>19</sup> Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1987. *The Malaysian Legal System*. Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm 288

menyelesaikan pelbagai konflik yang melibatkan masalah matrimonial (perkahwinan) dan agama.<sup>20</sup> Oleh yang demikian, ruang konflik yang terbuka dapat dielakkan dan maruah setiap pihak pun dapat dipelihara.

Sepanjang proses Sulh sedang berjalan, pihak-pihak akan dibantu oleh pihak ketiga yang bersifat neutral bagi mencari kesepakatan menyelesaikan pertelingkahan. Dalam norma masyarakat Melayu semasa itu, ketua kampung biasanya akan menjadi ‘mediator’ yang bertindak sebagai pemudahcara bagi menyelesaikan konflik antara pihak-pihak. Selain itu, terdapat juga jawatan-jawatan lain yang sering diberi kepercayaan oleh masyarakat Melayu untuk bertindak sebagai pemudahcara mereka misalnya imam, ulama’ serta qadi.<sup>21</sup>

Mengekalkan keharmonian dan kebersamaan dalam masyarakat adalah sangat ditekankan dalam masyarakat Melayu. Bermula daripada pengenalan Common Law Inggeris, orang-orang Melayu biasanya akan menyelesaikan pertikaian antara mereka dengan merujuk kepada Ketua Kampung atau Penghulu, yang berperanan sebagai pihak ketiga untuk menyelesaikan masalah. Masyarakat India dan Cina yang telah menetap di Malaya mengamalkan adat dan budaya masing-masing. Mereka pula menyelesaikan pertikaian mereka melalui mediasi yang dipimpin oleh orang-orang tua mereka. Mereka cuba untuk mengelakkan perpecahan dalam apa jua keadaan. Oleh yang demikian, masyarakat Malaysia telah pun mengamalkan mediasi secara tradisional ini sejak dahulu lagi dan bukanlah suatu yang baru dalam cabang Penyelesaian Pertikaian Alternatif.

Situasi ini jelas berubah setelah kehadiran British ke Tanah Melayu. Common Law Inggeris dimasukkan ke dalam sistem perundangan di Tanah Melayu dan digunapakai dengan meluas. Undang-undang Islam telah jatuh ke tangga kedua dalam hierarki aplikasi perundangan di Tanah Melayu. Undang-undang syariah hanya digunapakai dalam perkara-perkara melibatkan agama Islam dan perkahwinan sahaja.<sup>22</sup> Namun, ketua kampung masih menjadi panduan untuk dirujuk jika terdapat kes-kes pertikaian melibatkan orang Islam bagi mencari perdamaian di antara pihak-pihak. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah Sulh dan perdamaian tidaklah asing bagi orang-orang Islam di Tanah Melayu.

Di Malaysia, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan telah dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan.<sup>23</sup> Kedudukan perundangan Islam semakin bertambah baik sejak penubuhan yang diiktiraf Perlembagaan Persekutuan yang bertindak sebagai undang-undang tertinggi dalam negara.<sup>24</sup> Mahkamah-mahkamah syariah di dalam Malaysia dikawal selia serta dipantau oleh satu badan khas yang dinamakan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).<sup>25</sup> JKSM akan bertindak sebagai satu badan yang akan memastikan keberkesanan mahkamah syariah dalam menyelesaikan kes-kes orang Islam. Semakin hari, jumlah kes yang dibawa ke mahkamah mencapai angka yang semakin meningkat. Oleh sebab itu, demi memastikan kelancaran kes di mahkamah, JKSM memperuntukkan Arahan Amalan JKSM Nombor 3 Tahun 2002 yang

---

<sup>20</sup> Farid Sufian Shuaib. 2008. *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Lexis Nexis. hlm 16

<sup>21</sup> Nora Abdul Hak Sa’odah Ahmad, Umar A. Oseni. 2011. *Alternative Dispute Resolution (ADR) in Islam*. IIUM Press. hlm 105

<sup>22</sup> Farid Sufian Shuaib. 2008. *Development of Syariah Courts in Malaysia: Waves of Reformation*. 9 CLJ. hlm 2

<sup>23</sup> Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan

<sup>24</sup> Senarai II-Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan

<sup>25</sup> <http://jksm.gov.my>

menyatakan semua kes perlu dirujuk ke Sulh dahulu sebelum melalui proses mahkamah.<sup>26</sup> Manual Kerja Sulh juga diadakan bagi membolehkan semua para pegawai sulh beretika sepanjang proses majlis sulh sedang berlangsung.<sup>27</sup> Tujuan penguatkuasaan Etika Pegawai Sulh ini adalah untuk menjaga kewibawaan Pegawai Sulh yang merupakan individu yang bertanggungjawab dalam membantu pihak-pihak yang bertikai. Kredibiliti dan tanggungjawab yang dipikul seharusnya dijalankan mengikut lunas-lunas etika dan perundangan. Sesuai dengan peredaran masa dan perubahan situasi, proses pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah juga memerlukan suatu penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undangnya, Kaedah-Kaedah Sulh dan Manual Kerja Sulh. Oleh yang demikian, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan sulh yang dikenali sebagai Arahan Amalan Mahkamah Syariah JKSM. Arahan-arahan ini merupakan pekeliling pentadbiran yang harus dipatuhi oleh mahkamah, Pegawai Sulh dan juga orang awam.

Kaedah sulh ini telah mula diperkenalkan dan dilaksanakan dahulu di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor pada tahun 2002, di mana ianya mengutamakan instrumen penyelesaian pertikaian secara perdamaian. Kaedah ini merupakan alternatif kepada kaedah perbicaraan yang kebiasaannya memakan masa yang agak lama dan melibatkan kos yang tinggi. Selain Mahkamah Syariah melaksanakan sulh, Majlis Peguam Negara juga telah lebih dahulu menubuhkan Pusat Mediasi pada tahun 1999 untuk mengendalikan kes-kes sivil melalui konsep mediasi. Kaedah penyelesaian pertikaian alternatif melalui kaedah sulh telah diamalkan di Mahkamah Syariah merangkumi dari aspek kekeluargaan dan kehartaan orang Islam. Proses sulh merupakan sebahagian daripada proses yang terdapat di Mahkamah Syariah. Apabila pihak-pihak mula memfailkan pertikaian ataupun kes mereka, kes-kes mereka tidak akan dibawa ke hadapan Penolong Pendaftar bagi menjalani proses sebutan. Mana-mana kes yang berkaitan akan dirujuk dan dibawa di hadapan Pegawai Sulh bagi menjalani sesi sulh terlebih dahulu.

Mahkamah Syariah ditubuhkan bagi membantu masyarakat menyelesaikan masalah yang dihadapi terutamanya dalam isu-isu yang melibatkan kekeluargaan Islam seperti isu penceraian, tuntutan hak penjagaan anak, nafkah, muta'ah, perwarisan dan sebagainya. Isu-isu tersebut akan diadili oleh Mahkamah Syariah melalui proses litigasi yang telah ditetapkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang syariah di Malaysia seperti Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah, Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam.

## **KESIMPULAN**

Kaedah penyelesaian terhadap kes-kes kekeluargaan dan kehartaan di Mahkamah Syariah berdasarkan kaedah yang tersedia dinyatakan dalam Islam, seperti sulh, tahkim, med-arb, al-Muhtasib dan fatwa merupakan alternatif penyelesaian yang sangat membantu pihak-pihak bertikai. Namun proses sulh lebih mendapat perhatian pihak-pihak dan kekuatan proses sulh dapat dikenal pasti melalui penjimatan kos yang efektif terhadap pihak-pihak. Pihak-pihak yang bertikai tidak perlu untuk melantik Peguam Syarie bagi mewakili mereka ke mahkamah kelak. Seperti yang sedia maklum, kos untuk melantik Peguam Syarie bukanlah sesuatu yang murah. Semakin

---

<sup>26</sup> Arahan Amalan JKSM Nombor 3 (2002)

<sup>27</sup> Manual Sulh JKSM



rumit sesuatu kes itu, semakin tinggi caj yang dikenakan oleh Peguam Syarie terbabit. Tidak ketinggalan juga jika seseorang Peguam Syarie itu telah lama beramal dan mempunyai reputasi yang cemerlang, yuran profesion mereka juga turut meningkat. Namun, proses sulh tidak memerlukan kehadiran peguam. Justeru itu, penjimatan kos di pihak-pihak yang bertikai dapat dilaksanakan. Pemakaian Sulh dan usaha untuk mencari perdamaian bukan sesuatu yang baru dalam kehidupan umat Islam. Pensiyyatan untuk Sulh telah diturunkan sejak zaman Nabi Muhammad lagi serta diaplikasikan seluasnya oleh Baginda, para sahabat, khalifah sehinggalah pengaruhnya dibawa kepada negara kita. Disokong pula oleh seruan Al-Quran dan hadis Nabi, Sulh ternyata satu kaedah yang efektif dan berkesan dalam menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku di antara pihak-pihak. Sulh seharusnya mampu dikembalikan menjadi pilihan utama masyarakat untuk menyelesaikan sebarang perselisihan demi mengecap keharmonian sejagat.

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim

As-Sunnah

Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones. 1987. *The Malaysian Legal System*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ariffin Omar. 1995. *Sunnah Sebagai Bayan Kepada Al-Quran*. Islamiyyat 16

Farid Sufian Shuaib. 2008. *Development of Syariah Courts in Malaysia : Waves of Reformation*. 9CLJ.

Farid Sufian Shuaib. 2008. *Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia*. Lexis Nexis. <http://jksm.gov.my>

Ibnu Ishaq. 1955. *The Life Of Muhammad*. Oxford University Press

Imam At-Thabari. 2017. *Tafsir At-Thabari*. Jilid 6. Pustaka Azzam.

Isik Tamdogan. 2008. *Sulh and the 18<sup>th</sup> Century Ottoman Courts of Uskudar and Adana*. Islamic Law and Society

Mustofa Al-Khin. 2016. *Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Shafi'i*. Jilid 6. Pustaka Salam.

Nora Abdul Hak Sa'odah Ahmad, Umar A. Oseni. 2011. *Alternative Dispute Resolution (ADR) in Islam*. IIUM Press.

Raihanah Azahari. 2005. *Sulh Dalam Perundangan Islam*. Kertas Kerja Seminar Isu-isu Mahkamah Syariah VII. Anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Salleh Buang. 2002. *Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah Selangor Darul Ehsan*. Anjuran Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Selangor, Shah Alam.

Siti Noraini, Zulkifli Hasan. 2008. *Perlaksanaan Sulh Dan Keberkesanannya Di Mahkamah Syariah Selangor*.

Syed Khalid Rashid. 2004. *Alternative Dispute Resolution in the Context of Islamic Law*. The Vindobona Journal of International Commercial Law and Arbitration

## **STATUT**

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Majalla Ahkam al-Adliyyah

Arahan Amalan JKSM nombor 3 Tahun 2002

Manual Sulh JKSM